



**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA KUALITI**  
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)**  
**KALI KE-47**

---

Tarikh : 20 Februari 2020 (Khamis)  
Masa : 9.00 Pagi  
Tempat : Dewan Senat, Aras 1, Bangunan Canselori Putra,  
Universiti Putra Malaysia (UPM)  
Kehadiran : **Lampiran A**

<b>MINIT</b>	<b>AGENDA</b>	<b>TINDAKAN</b>
<b>Minit 47.0</b>	<p><b>Kata Aluan Pengerusi</b></p> <p>Pengerusi:</p> <p>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan Selamat Menyambut Tahun Baru 2020 dan terima kasih di atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-47 ini;</p> <p>(b) merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan TWP merangkap ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang baharu, iaitu:</p> <p>(i) Encik Shahrizan Hashim, dilantik selaku TWP PP Pejabat Naib Canselor (PNC) bermula pada 03 Februari 2020;</p> <p>(ii) Encik Mohd Sopian Mohd Zin, dilantik selaku TWP PP Pejabat TNC (Penyelidikan dan Inovasi) bermula 03 Februari 2020;</p> <p>(iii) Puan Nariza Mohd Elias, dilantik selaku TWP PP Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) bermula pada 15 Januari 2020;</p> <p>(iv) Puan Besek Intan Zafina Basok, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Ekologi Manusia (FEM) bermula pada 09 Januari 2020;</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(v) Puan Suhana Md Chairi, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Kejuruteraan (FK) bermula pada 09 Januari 2020;</p> <p>(vi) Puan Hanisah Abdul Rahman, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Perhutanan (FH) bermula pada 03 Februari 2020; dan</p> <p>(vii) Encik Mohd Nazri Md. Yasin, dilantik selaku TWP PTJ Hospital Pengajar UPM (HPUPM) bermula pada 03 Februari 2020.</p> <p>(c) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan sumbangan mantan TWP berikut:</p> <p>(i) Encik Mohd Nazri Md. Yasin, mantan TWP PP PNC yang telah berkhidmat bagi tempoh 11 Julai 2013 hingga 31 Januari 2020;</p> <p>(ii) Encik Shahrizan Hashim, mantan TWP PP Pejabat TNC PI yang telah berkhidmat bagi tempoh 23 Mei 2016 hingga 31 Januari 2020;</p> <p>(iii) Encik Muhammad Adil Ahmad, mantan TWP PP PPUU yang telah berkhidmat bagi tempoh 15 Oktober 2012 hingga 31 Disember 2019;</p> <p>(iv) Encik Nasrudin Yahya, mantan TWP PTJ FEM yang telah berkhidmat bagi tempoh 28 November 2016 hingga 31 Disember 2019;</p> <p>(v) Puan Noraihan Noordin, mantan TWP PTJ FK yang telah berkhidmat bagi tempoh 03 Jun 2019 hingga 08 Januari 2020;</p> <p>(vi) Encik Mohd Sopian Mohd Zin, mantan TWP PTJ FH yang telah berkhidmat bagi tempoh 03 Januari 2017 hingga 31 Januari 2020; dan</p> <p>(vii) Puan Jennifer Lendai Kundat, mantan TWP PTJ HPUPM yang telah berkhidmat bagi tempoh 04 Julai 2019 hingga 31 Januari 2020.</p>	<p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(d) meminta semua ahli mengambil perhatian berhubung <b>Status Pensijilan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2015</b> UPM sepertimana <b>Lampiran Agenda 1.1</b> yang dibentang merangkumi perkara berikut:</p> <p>(i) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Kali ke-696 pada 12 Februari 2020 telah bersetuju supaya Universiti Putra Malaysia tidak meneruskan pensijilan EMS pada tahun 2020 atas justifikasi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Universiti melaksanakan EMS tanpa terkait (tidak signifikan) dengan mana-mana KPI UPM atau hasil yang diharapkan (<i>intended outcome</i>);</li> <li>• Universiti sebagai organisasi pendidikan tidak mengeluarkan kadar bahan pencemar ke udara berbanding organisasi sektor industri yang berisiko tinggi bagi tahap pencemaran ke udara;</li> <li>• Universiti memerlukan kos yang tinggi bagi tujuan pematuhan undang-undang alam sekitar untuk memenuhi keperluan Standard ISO 14001:2015;</li> <li>• Universiti telah melaksanakan proses kawalan alam sekitar yang telah sedia ada diterapkan dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) secara menyeluruh di UPM tanpa perlu melaksanakan tindakan berulang dalam pensijilan ISO 14001:2015;</li> <li>• Universiti melaksanakan skop pensijilan EMS yang terlalu luas merangkumi banyak PTJ yang terlibat memberi implikasi besar kepada keperluan sumber di UPM; dan</li> <li>• Universiti telah melaksanakan aktiviti/program kelestarian hijau yang lebih menyeluruh berbanding pelaksanaan EMS bagi menyokong penarafan <i>UI-Green Metric</i> sebagaimana yang dihasratkan oleh Universiti.</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN										
	<p>(ii) Isu dan cabaran pelaksanaan EMS yang dihadapi oleh pihak universiti dari tahun 2013 hingga 2019 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pematuhan kepada Undang-Undang yang menjadi keperluan utama dalam pelaksanaan EMS ISO 14001 tidak dapat dipatuhi pada setiap tahun penilaian;</li> <li>• Kekangan sumber (kewangan dan sumber manusia);</li> <li>• Skop Pengajaran dan Pembelajaran di bawah EMS yang terlalu luas;</li> <li>• Pelaksanaan EMS sedia ada di UPM tidak menyokong mana-mana Petunjuk Prestasi (KPI) Universiti; dan</li> <li>• <i>Boundary</i> (sempadan) dalam penetapan skop Pengajaran dan Pembelajaran tidak dapat dihayati sepenuhnya oleh Juruaudit Badan Pensijilan dan pekerja UPM (auditee)</li> </ul> <p>(iii) Perkara yang perlu dilaksanakan bagi penamatan pensijilan EMS adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="555 1211 1278 2042"> <thead> <tr> <th data-bbox="555 1211 1054 1272">Perkara</th> <th data-bbox="1054 1211 1278 1272">Tindakan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="555 1272 1054 1429">1. Pemakluman kepada pihak Badan Pensijilan.</td> <td data-bbox="1054 1272 1278 1429">Pusat Jaminan Kualiti (CQA)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="555 1429 1054 1637">2. Pemakluman rasmi kepada warga Universiti.</td> <td data-bbox="1054 1429 1278 1637">CQA &amp; Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi</td> </tr> <tr> <td data-bbox="555 1637 1054 1845">3. Penggunaan logo pensijilan EMS dalam mana-mana dokumen dan saluran rasmi hanya terpakai sehingga 28 Disember 2020.</td> <td data-bbox="1054 1637 1278 1845">Semua PTJ</td> </tr> <tr> <td data-bbox="555 1845 1054 2042">4. Pemberhentian semua aktiviti untuk tujuan pensijilan EMS (Contoh: aktiviti pengauditan, pembangunan dokumen dan penilaian risiko).</td> <td data-bbox="1054 1845 1278 2042">Semua PTJ</td> </tr> </tbody> </table>	Perkara	Tindakan	1. Pemakluman kepada pihak Badan Pensijilan.	Pusat Jaminan Kualiti (CQA)	2. Pemakluman rasmi kepada warga Universiti.	CQA & Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi	3. Penggunaan logo pensijilan EMS dalam mana-mana dokumen dan saluran rasmi hanya terpakai sehingga 28 Disember 2020.	Semua PTJ	4. Pemberhentian semua aktiviti untuk tujuan pensijilan EMS (Contoh: aktiviti pengauditan, pembangunan dokumen dan penilaian risiko).	Semua PTJ	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP CQA, TWP PTJ, TWP Peneraju EMS</b></p>
Perkara	Tindakan											
1. Pemakluman kepada pihak Badan Pensijilan.	Pusat Jaminan Kualiti (CQA)											
2. Pemakluman rasmi kepada warga Universiti.	CQA & Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi											
3. Penggunaan logo pensijilan EMS dalam mana-mana dokumen dan saluran rasmi hanya terpakai sehingga 28 Disember 2020.	Semua PTJ											
4. Pemberhentian semua aktiviti untuk tujuan pensijilan EMS (Contoh: aktiviti pengauditan, pembangunan dokumen dan penilaian risiko).	Semua PTJ											

MINIT	AGENDA		TINDAKAN
	Perkara	Tindakan	
	5. Amalan Go Green diteruskan selaras keperluan <i>UI-Green Metric</i>	Semua PTJ	
	6. Amalan bagi kawalan pencemaran alam sekitar yang terdapat dalam pelaksanaan EMS perlu diteruskan dan dimasukkan dalam dokumen QMS atau kaedah yang bersesuaian (Contoh: Pengendalian Bahan Beracun dan Pengurusan Bahan Radioaktif dan Radas Sinaran)	Semua Peneraju Proses EMS	
	<p>(iv) mesyuarat mencadangkan supaya semakan dibuat dengan pihak SIRIM bagi memastikan tiada implikasi yang akan ditanggung oleh pihak UPM sekiranya pensijilan EMS ditamatkan lebih awal daripada tempoh sah laku sijil yang dikeluarkan oleh pihak SIRIM.</p> <p>(v) mesyuarat bersetuju supaya Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan dikekalkan di bawah tadbir urus Pejabat Penasihat Undang-Undang UPM dengan tujuan supaya PPUU dapat membuat semakan secara berkala ke atas senarai daftar perundangan yang masih terpakai di UPM walaupun selepas pensijilan EMS ditamatkan.</p>		<p><b>KBPKP, PAD</b></p> <p><b>TWP PPUU</b></p>
	<p>(e) meminta semua ahli memberi kerjasama dan komitmen untuk hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM sepertimana yang telah dijadualkan dalam Takwim Kualiti UPM memandangkan mesyuarat ini merupakan medan untuk membincangkan mengenai isu atau perkara penting berkaitan pelaksanaan Sistem Pengurusan ISO di UPM yang turut perlu dilaporkan ke Mesyuarat Pengurusan PTJ.</p>		<p><b>Semua Ahli</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 47.1	<p><b>Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-46</b></p> <p>Minit Mesyuarat JKK Kali ke-46 yang telah diadakan pada 10 Disember 2019 disahkan dengan pindaan berikut:</p> <p>(a) <u>Senarai Kehadiran</u> – Pembetulan status kehadiran Cik Norzaina binti Darus daripada Tidak Hadir (dengan kenyataan) kepada Hadir.</p>	Makluman
Minit 47.2	<p><b>Perkara Berbangkit</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-46 seperti mana pada <b>Lampiran Agenda 3.0</b> yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara berikut:</p> <p>(a) <u>Minit 46.2 (a)</u> – mengambil maklum perbincangan antara Pengarah Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) dengan entiti yang terlibat telah diadakan pada 18 Februari 2020 bagi membincangkan berkaitan cadangan dan isu pelaksanaan PutraViD yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-46. Hasil perbincangan seterusnya meminta pihak iDEC memberikan maklum balas segera ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti berhubung cadangan yang dipersetujui semasa perbincangan tersebut, yang merangkumi perkara berikut:</p> <p>(i) Cadangan supaya pemilik proses Kad Maya PutraViD diletakkan di bawah tanggungjawab Pejabat Pendaftar UPM. Bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada pandangan dan maklum balas pihak Pejabat Penasihat Undang-undang UPM;</p> <p>(ii) Cadangan supaya hanya satu entiti sahaja yang diberi kuasa untuk mencetak Kad Maya PutraViD iaitu Bahagian Keselamatan Universiti (BKU). Sehubungan itu, perbincangan awal dengan pihak Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) akan diadakan supaya PSAS tidak melaksanakan tindakan sebagaimana yang diputuskan oleh Mesyuarat JPU sebelum ini;</p> <p>(iii) Pemilik sistem aplikasi Kad Maya PutraViD, PutraVerify dan UPMID dikekalkan di bawah tanggungjawab Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC); dan</p>	TWP iDEC

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
<p><b>Minit 47.3</b></p>	<p>(iv) Memastikan pemilik proses Kad Maya PutraViD yang ditetapkan mengambil tindakan untuk menyediakan dokumentasi sama ada dalam bentuk <i>Standard Operating Prosedure</i>, Garis Panduan, Arahan Kerja dan sebagainya yang bersesuaian bagi memperjelaskan secara menyeluruh berkaitan pelaksanaan PutraViD di UPM.</p> <p><b>Laporan Dokumentasi</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan dokumentasi merangkumi cadangan pindaan dokumen skop pengurusan dan penamatan pemakaian dokumen EMS MS ISO 14001 adalah sepertimana <b>Lampiran Agenda 4.0</b> yang dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum justifikasi perubahan 11 dokumen skop pengurusan yang terlibat adalah bagi tujuan memantapkan lagi proses pengurusan dokumen ISO UPM.</p> <p>(c) bersetuju meluluskan cadangan penambahbaikan yang akan mula dikuatkuasakan pemakaiannya pada 27 Februari 2020 bagi dokumen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Manual Kualiti (UPM/PGR/MK);</li> <li>(ii) Prosedur Pengurusan Dokumen ISO (UPM/PGR/P001);</li> <li>(iii) Prosedur Kawalan Ketakakuran, Tindakan Pembetulan, dan Peluang Penambahbaikan (UPM/PGR/P003);</li> <li>(iv) Prosedur Audit Dalaman ISO (UPM/PGR/P004);</li> <li>(v) Prosedur Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISO UPM (UPM/PGR/P008);</li> <li>(vi) Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen ISO (PGR/BR01/CPD);</li> <li>(vii) Borang Jadual Audit Dalaman (PGR /BR04/AD 02);</li> <li>(viii) Borang Ketakakuran (PGR/BR03/NCR);</li> <li>(ix) Borang Peluang Penambahbaikan (PGR/BR03/OFI);</li> <li>(x) Log Tindakan Pembetulan (PGR/BL03/LOG-LTB); dan</li> <li>(xi) Log Peluang Penambahbaikan (PGR/BL03/LOG-OFI)</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>PKD</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN								
<p><b>Minit 47.4</b></p> <p><b>Laporan Audit</b></p> <p>Mesyuarat:</p>	<p>(d) mencadangkan supaya penamatan pemakaian 20 dokumen EMS serta maklumat lain berkaitannya dalam paparan eISO hanya dibuat selepas maklum balas diterima daripada pihak SIRIM berhubung penamatan sijil EMS UPM. Sehubungan dengan itu juga, semua peneraju proses EMS yang terlibat diminta membuat semakan untuk meneruskan amalan bagi kawalan pencemaran alam sekitar yang terdapat dalam dokumen EMS masing-masing ke dalam dokumen QMS atau kaedah lain yang bersesuaian (Contoh: Pengendalian Bahan Beracun &amp; Pengurusan Bahan Radioaktif dan Radas Sinaran).</p> <p>(e) meminta semakan dibuat bagi menentukan samada ada amalan <i>Go Green</i> dalam pelaksanaan EMS sedia ada perlu diteruskan atau tidak berdasarkan keperluan Penarafan <i>UI-Green Metric</i>.</p>	<p><b>PKD, Peneraju EMS</b></p> <p><b>TWP PNC</b></p>								
	<p>(a) mengambil maklum laporan audit ISO yang merangkumi status penutupan Audit Dalaman QMS dan ISMS tahun 2019 dan juga pemakluman pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS PTJ (<i>decentralize audit</i>) tahun 2020 adalah sepertimana <b>Lampiran Agenda 5.0</b> yang dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum sehingga 18 Februari 2020, masih terdapat sebanyak 30 NCR dan 60 OFI yang belum ditutup melebihi tempoh cadangan penutupan. Justeru, mesyuarat meminta peneraju proses yang terlibat mengambil tindakan segera bagi tujuan penutupan NCR dan OFI yang terlibat.</p> <table border="1" data-bbox="472 1451 1265 2011"> <thead> <tr> <th data-bbox="472 1451 722 1556"><u>Audit Dalaman 2019</u></th> <th data-bbox="722 1451 1042 1556"><u>Jumlah NCR/OFI belum ditutup melebihi tempoh</u></th> <th data-bbox="1042 1451 1265 1556"><u>PTJ terlibat</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="472 1556 722 1906">QMS</td> <td data-bbox="722 1556 1042 1906">25 NCR, 53 OFI</td> <td data-bbox="1042 1556 1265 1906">Pejabat Bursar, CALC, FS, IBS, iDEC, IKP, INSPEM, INTROP, ITAFOS, PASP, PKKSSAAS, PIC (iPUTRA), Penerbit, SPS &amp; UPMKB</td> </tr> <tr> <td data-bbox="472 1906 722 2011">ISMS</td> <td data-bbox="722 1906 1042 2011">5 NCR, 7 OFI</td> <td data-bbox="1042 1906 1265 2011">FS, FPSK, iDEC, UPMKB, BKU, CADe, FH</td> </tr> </tbody> </table>	<u>Audit Dalaman 2019</u>	<u>Jumlah NCR/OFI belum ditutup melebihi tempoh</u>	<u>PTJ terlibat</u>	QMS	25 NCR, 53 OFI	Pejabat Bursar, CALC, FS, IBS, iDEC, IKP, INSPEM, INTROP, ITAFOS, PASP, PKKSSAAS, PIC (iPUTRA), Penerbit, SPS & UPMKB	ISMS	5 NCR, 7 OFI	FS, FPSK, iDEC, UPMKB, BKU, CADe, FH
<u>Audit Dalaman 2019</u>	<u>Jumlah NCR/OFI belum ditutup melebihi tempoh</u>	<u>PTJ terlibat</u>								
QMS	25 NCR, 53 OFI	Pejabat Bursar, CALC, FS, IBS, iDEC, IKP, INSPEM, INTROP, ITAFOS, PASP, PKKSSAAS, PIC (iPUTRA), Penerbit, SPS & UPMKB								
ISMS	5 NCR, 7 OFI	FS, FPSK, iDEC, UPMKB, BKU, CADe, FH								



MINIT	AGENDA			TINDAKAN
	<u>Audit Dalaman 2019</u>	<u>Jumlah NCR/OFI belum ditutup melebihi tempoh</u>	<u>PTJ terlibat</u>	
EMS	Tidak berkaitan. Semua NCR ditutup dan OFI masih dalam tempoh tindakan.	Tidak berkaitan.		
	<p>(c) mencadangkan beberapa penambahbaikan dilaksanakan supaya proses penutupan penemuan audit dalaman ISO dapat dilaksana secara lebih berkesan mengikut tempoh, antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) menambahbaik Sistem Audit Dalaman dengan memasukkan elemen <i>trigger/alert</i> kepada juruaudit terlibat selepas PTJ selesai memuatnaik bukti tindakan dengan lengkap;</li> <li>(ii) memastikan status terkini penutupan penemuan audit dalaman dilaporkan secara berkala dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ sebagai salah satu kaedah pemantauan;</li> <li>(iii) PTJ perlu memaklumkan Juruaudit sekiranya bukti tindakan telah dimuatnaik dalam Sistem Audit Dalaman; dan</li> <li>(iv) pembayaran elaun juruaudit hanya dibuat selepas penemuan audit ditutup.</li> </ul>			<b>PAD</b>
	<p>(d) memaklumkan berkaitan persediaan pelaksanaan audit dalaman QMS dan ISMS PTJ tahun 2020 yang akan bermula pada 2 Mac hingga 15 Mei 2020 sebagaimana pemakluman melalui emel kepada semua TWP dan Timbalan Penyelaras Audit Dalaman (TPAD) pada 29 Januari 2020, yang merangkumi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Panduan Pelaksanaan Audit Dalaman;</li> <li>(ii) Senarai Juruaudit Dalaman;</li> <li>(iii) Borang Pengesahan Tarikh Audit;</li> <li>(iv) Templat Jadual Audit; dan</li> <li>(v) Senarai PTJ di Bawah Skop Pensijilan.</li> </ul>			<b>Makluman</b>
	<p>(e) meminta semua PTJ mematuhi tempoh dan tindakan yang telah ditetapkan bagi fasa pra audit, proses audit dan pasca audit sepertimana yang dinyatakan dalam Panduan Pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS.</p>			<b>TWP PP, TWP PTJ</b>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																		
Minit 47.5	<p data-bbox="395 282 882 315"><b>Laporan Pencapaian Objektif ISO</b></p> <p data-bbox="395 353 1273 427"><b>47.5.1 Laporan Pencapaian Objektif Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015</b></p> <p data-bbox="528 465 1273 611">Mesyuarat mengambil maklum tiga (3) jenis objektif kualiti yang akan diterjemahkan pencapaian yang dihasratkan menerusi Sistem Pengurusan Kualiti adalah sepertimana berikut:</p> <p data-bbox="528 651 1273 725"><b>(a) Laporan Pencapaian Key Performance Indicator (KPI) Tahun 2019</b></p> <p data-bbox="616 752 770 786">Mesyuarat:</p> <p data-bbox="616 797 1273 1055">(i) mengambil maklum laporan pencapaian KPI tahun 2019 adalah sepertimana <b>Lampiran Agenda 6 (a) (i)</b> yang dibentangkan. Laporan ini merujuk kepada pembentangan semasa Bengkel Penilaian Pencapaian KPI Suku Keempat (Q4) pada 10 Februari 2020.</p> <p data-bbox="616 1095 1273 1464">(ii) mengambil maklum pencapaian keseluruhan KPI Q4 tahun 2019 berdasarkan 37 KPI yang diukur adalah sebanyak 92.36% iaitu dengan 19 KPI mencapai sasaran melebihi 100%, 13 KPI mencapai sasaran sebanyak 75-99% dan lima (5) KPI berada pada tahap pencapaian 0-74%. Pecahan pencapaian bagi setiap komponen yang dinilai adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="692 1480 1273 1899"> <thead> <tr> <th data-bbox="692 1480 1098 1547">Komponen</th> <th data-bbox="1098 1480 1273 1547">Pencapaian (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="692 1547 1098 1581">Akademik &amp; Antarabangsa</td> <td data-bbox="1098 1547 1273 1581">96.60</td> </tr> <tr> <td data-bbox="692 1581 1098 1615">Penyelidikan &amp; Inovasi</td> <td data-bbox="1098 1581 1273 1615">80.40</td> </tr> <tr> <td data-bbox="692 1615 1098 1648">Hal Ehwal Pelajar &amp; Alumni</td> <td data-bbox="1098 1615 1273 1648">99.10</td> </tr> <tr> <td data-bbox="692 1648 1098 1715">Jaringan Industri &amp; Masyarakat</td> <td data-bbox="1098 1648 1273 1715">98.83</td> </tr> <tr> <td data-bbox="692 1715 1098 1749">Sumber Manusia</td> <td data-bbox="1098 1715 1273 1749">91.60</td> </tr> <tr> <td data-bbox="692 1749 1098 1783">Pengurusan Kewangan</td> <td data-bbox="1098 1749 1273 1783">92.90</td> </tr> <tr> <td data-bbox="692 1783 1098 1861">Perkhidmatan Perpustakaan &amp; ICT</td> <td data-bbox="1098 1783 1273 1861">87.50</td> </tr> <tr> <td data-bbox="692 1861 1098 1899">Pertanian</td> <td data-bbox="1098 1861 1273 1899">89.30</td> </tr> </tbody> </table>	Komponen	Pencapaian (%)	Akademik & Antarabangsa	96.60	Penyelidikan & Inovasi	80.40	Hal Ehwal Pelajar & Alumni	99.10	Jaringan Industri & Masyarakat	98.83	Sumber Manusia	91.60	Pengurusan Kewangan	92.90	Perkhidmatan Perpustakaan & ICT	87.50	Pertanian	89.30	<p data-bbox="1315 797 1474 831"><b>Makluman</b></p> <p data-bbox="1315 1095 1474 1128"><b>Makluman</b></p>
Komponen	Pencapaian (%)																			
Akademik & Antarabangsa	96.60																			
Penyelidikan & Inovasi	80.40																			
Hal Ehwal Pelajar & Alumni	99.10																			
Jaringan Industri & Masyarakat	98.83																			
Sumber Manusia	91.60																			
Pengurusan Kewangan	92.90																			
Perkhidmatan Perpustakaan & ICT	87.50																			
Pertanian	89.30																			

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																										
	<p>(iii) meminta semua PTJ mengambil tindakan penambahbaikan melalui pengurusan risiko Operasi QMS PTJ dalam membantu pencapaian masa hadapan bagi lima (5) KPI tahun 2019 yang tidak mencapai sasaran (tahap pencapaian 0-74%), iaitu:</p> <table border="1" data-bbox="705 533 1257 815"> <thead> <tr> <th data-bbox="705 533 775 600">Bil</th> <th data-bbox="775 533 1257 600">KPI 2019 yang tidak mencapai sasaran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="705 600 775 636">1.</td> <td data-bbox="775 600 1257 636">Penerbitan dalam jurnal berindeks</td> </tr> <tr> <td data-bbox="705 636 775 672">2.</td> <td data-bbox="775 636 1257 672">Penerbitan Q1 dan Q2</td> </tr> <tr> <td data-bbox="705 672 775 707">3.</td> <td data-bbox="775 672 1257 707">Geran Penyelidikan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="705 707 775 743">4.</td> <td data-bbox="775 707 1257 743">Pendapatan RDCE dan lain-lain</td> </tr> <tr> <td data-bbox="705 743 775 815">5.</td> <td data-bbox="775 743 1257 815">Projek penyelidikan secara kerjasama</td> </tr> </tbody> </table> <p>(iv) mengambil maklum bahawa sebanyak tiga (3) KPI tahun 2019 akan digugurkan dan ditambah dengan dua (2) KPI baharu bagi cadangan pengukuran KPI tahun 2020 seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="705 1102 1257 1527"> <thead> <tr> <th data-bbox="705 1102 775 1137">Bil</th> <th data-bbox="775 1102 1257 1137">KPI 2019 yang digugurkan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="705 1137 775 1173">1.</td> <td data-bbox="775 1137 1257 1173">Kemahiran Insaniah Pelajar</td> </tr> <tr> <td data-bbox="705 1173 775 1245">2.</td> <td data-bbox="775 1173 1257 1245">Penyertaan Program Kesukarelawan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="705 1245 775 1317">3.</td> <td data-bbox="775 1245 1257 1317">Penyertaan dalam pemerksaan bakat</td> </tr> <tr> <td data-bbox="705 1317 775 1352"></td> <td data-bbox="775 1317 1257 1352"><b>KPI baharu 2020</b></td> </tr> <tr> <td data-bbox="705 1352 775 1424">1.</td> <td data-bbox="775 1352 1257 1424">Perkhidmatan sokongan pelajar OKU</td> </tr> <tr> <td data-bbox="705 1424 775 1527">2.</td> <td data-bbox="775 1424 1257 1527">Program/aktiviti yang dianjurkan oleh pelajar secara kerjasama/kolaborasi</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	KPI 2019 yang tidak mencapai sasaran	1.	Penerbitan dalam jurnal berindeks	2.	Penerbitan Q1 dan Q2	3.	Geran Penyelidikan	4.	Pendapatan RDCE dan lain-lain	5.	Projek penyelidikan secara kerjasama	Bil	KPI 2019 yang digugurkan	1.	Kemahiran Insaniah Pelajar	2.	Penyertaan Program Kesukarelawan	3.	Penyertaan dalam pemerksaan bakat		<b>KPI baharu 2020</b>	1.	Perkhidmatan sokongan pelajar OKU	2.	Program/aktiviti yang dianjurkan oleh pelajar secara kerjasama/kolaborasi	<p><b>TWP PP, TWP PTJ</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
Bil	KPI 2019 yang tidak mencapai sasaran																											
1.	Penerbitan dalam jurnal berindeks																											
2.	Penerbitan Q1 dan Q2																											
3.	Geran Penyelidikan																											
4.	Pendapatan RDCE dan lain-lain																											
5.	Projek penyelidikan secara kerjasama																											
Bil	KPI 2019 yang digugurkan																											
1.	Kemahiran Insaniah Pelajar																											
2.	Penyertaan Program Kesukarelawan																											
3.	Penyertaan dalam pemerksaan bakat																											
	<b>KPI baharu 2020</b>																											
1.	Perkhidmatan sokongan pelajar OKU																											
2.	Program/aktiviti yang dianjurkan oleh pelajar secara kerjasama/kolaborasi																											

MINIT	AGENDA	TINDAKAN															
	<p data-bbox="517 237 1262 304"><b>(b) Laporan Pencapaian Pelan Fungsian dan Aras Tahun 2019</b></p> <p data-bbox="624 331 778 360">Mesyuarat:</p> <p data-bbox="624 387 1262 533">(i) mengambil maklum laporan pencapaian pelan fungsian dan aras tahun 2019 adalah sepertimana <b>Lampiran Agenda 6 (a)(ii)</b> yang telah dibentang.</p> <p data-bbox="624 573 1262 831">(ii) mengambil maklum hasil pelaporan berkenaan, sebanyak 56 petunjuk prestasi mencapai sasaran manakala sembilan (9) lagi petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran. Senarai petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="703 869 1273 1890"> <thead> <tr> <th data-bbox="703 869 778 904">Bil</th> <th data-bbox="778 869 1066 904">Petunjuk Prestasi</th> <th data-bbox="1066 869 1273 904">Peneraju</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="703 904 778 1133">1.</td> <td data-bbox="778 904 1066 1133">Peratusan pelajar yang memilih program UPM sebagai pilihan pertama berdasarkan PNGK <math>\geq</math> 3.5</td> <td data-bbox="1066 904 1273 1133">Bahagian Kemasukan &amp; Bahagian Urus Tadbir Akademik</td> </tr> <tr> <td data-bbox="703 1133 778 1361">2.</td> <td data-bbox="778 1133 1066 1361">Peratusan pendaftaran pelajar baharu dengan PNGK 3.5 ke program pengajian bachelo yang ditawarkan</td> <td data-bbox="1066 1133 1273 1361">Bahagian Kemasukan &amp; Bahagian Urus Tadbir Akademik</td> </tr> <tr> <td data-bbox="703 1361 778 1590">3.</td> <td data-bbox="778 1361 1066 1590">Peratusan pelajar yang memilih program UPM sebagai pilihan pertama berdasarkan PNGK <math>\geq</math> 3.0</td> <td data-bbox="1066 1361 1273 1590">Bahagian Kemasukan &amp; Bahagian Urus Tadbir Akademik</td> </tr> <tr> <td data-bbox="703 1590 778 1890">4.</td> <td data-bbox="778 1590 1066 1890">Peratusan pelajar yang mendapat keputusan tidak lewat dua (2) bulan selepas tarikh tutup permohonan (<i>merujuk kepada permohonan bantuan kewangan/biasiswa</i>)</td> <td data-bbox="1066 1590 1273 1890">Sekolah Pengajian Siswazah</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Petunjuk Prestasi	Peneraju	1.	Peratusan pelajar yang memilih program UPM sebagai pilihan pertama berdasarkan PNGK $\geq$ 3.5	Bahagian Kemasukan & Bahagian Urus Tadbir Akademik	2.	Peratusan pendaftaran pelajar baharu dengan PNGK 3.5 ke program pengajian bachelo yang ditawarkan	Bahagian Kemasukan & Bahagian Urus Tadbir Akademik	3.	Peratusan pelajar yang memilih program UPM sebagai pilihan pertama berdasarkan PNGK $\geq$ 3.0	Bahagian Kemasukan & Bahagian Urus Tadbir Akademik	4.	Peratusan pelajar yang mendapat keputusan tidak lewat dua (2) bulan selepas tarikh tutup permohonan ( <i>merujuk kepada permohonan bantuan kewangan/biasiswa</i> )	Sekolah Pengajian Siswazah	<p data-bbox="1310 387 1469 416"><b>Makluman</b></p> <p data-bbox="1310 573 1469 602"><b>Makluman</b></p>
Bil	Petunjuk Prestasi	Peneraju															
1.	Peratusan pelajar yang memilih program UPM sebagai pilihan pertama berdasarkan PNGK $\geq$ 3.5	Bahagian Kemasukan & Bahagian Urus Tadbir Akademik															
2.	Peratusan pendaftaran pelajar baharu dengan PNGK 3.5 ke program pengajian bachelo yang ditawarkan	Bahagian Kemasukan & Bahagian Urus Tadbir Akademik															
3.	Peratusan pelajar yang memilih program UPM sebagai pilihan pertama berdasarkan PNGK $\geq$ 3.0	Bahagian Kemasukan & Bahagian Urus Tadbir Akademik															
4.	Peratusan pelajar yang mendapat keputusan tidak lewat dua (2) bulan selepas tarikh tutup permohonan ( <i>merujuk kepada permohonan bantuan kewangan/biasiswa</i> )	Sekolah Pengajian Siswazah															

MINIT	AGENDA			TINDAKAN	
		<b>Bil</b>	<b>Petunjuk Prestasi</b>	<b>Peneraju</b>	
		5.	Proses pertimbangan permohonan akreditasi program oleh Jawatankuasa Swaakreditasi Program Pengajian dilaksanakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh pelaksanaan audit program	Pusat Jaminan Kualiti	
		6.	Peratusan pengauditan dijalankan mengikut program audit termasuk tugas tambahan tahun semasa	Pejabat Naib Canselor (Bahagian Audit Dalam)	
		7.	Peratusan rawatan pergigian	Pusat Kesihatan Universiti	
		8.	Menerima 30 tempahan perkhidmatan kebudayaan dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta	Pusat Kebudayaan dan Keseniaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	
		9.	Tempoh pemulihan masalah sistem ICT diperbaiki oleh pihak luar - 2 hari bagi sistem aplikasi dan pangkalan data, 28 hari untuk peralatan ICT	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	
	<p>(iii) meminta peneraju proses yang terlibat melaksanakan kawalan ketakakuran atau penambahbahbaikan terhadap petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran bagi memastikan sasaran pada tahun berikutnya dapat dicapai.</p>				<p><b>TWP PNC, TWP TNCAA, TWP SPS, TWP CQA, TWP PKKSSAAS, TWP PKU, TWP iDEC</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	(iv) mencadangkan sistem temujanji pergigian atau kaedah lain seumpamanya digunapakai untuk menambahbaik pencapaian petunjuk prestasi berkaitan proses konsultansi pergigian.	<b>TWP PKU</b>
